

# AIDS

AIDS adalah singkatan daripada "Acquired Immune Deficiency Syndrome" atau di dalam Bahasa Malaysia adalah *Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit*. AIDS amat merbahaya. Jangkitan virus AIDS adalah sepanjang hayat, yang selalu membawa maut. Seseorang yang dijangkiti oleh virus AIDS tidak mempunyai apa-apa tanda dan gejala penyakit AIDS untuk beberapa tahun, tetapi masih boleh menyebarkan virus AIDS kepada orang lain.

## APA YANG MENYEBABKAN AIDS?



AIDS disebabkan oleh sejenis virus yang dipanggil *Human Immuno-Deficiency Virus (HIV)*. Virus ini akan menyerang dan melumpuhkan sistem pertahanan badan. Dengan kelumpuhan sistem pertahanan badan ini, seseorang itu boleh :-

Gambar rajah virus AIDS

- Dijangkiti oleh semua jenis kuman termasuk yang biasanya tidak merbahaya.
- Mengidap beberapa jenis barah yang biasanya jarang berlaku.

## BAGAIMANA SESEORANG ITU BOLEH DIJANGKITI HIV DAN MENDAPAT AIDS?

HIV boleh didapati terutamanya di dalam darah, air mani dan bendalir faraj mereka yang dijangkiti. Seseorang pesakit AIDS atau pembawa AIDS boleh memindahkan virus tersebut kepada orang lain hanya melalui tiga cara utama, iaitu:-



Apabila ia mengadakan hubungan seks, ia akan memindahkan virus tersebut kepada pasangannya.



Jika ia berkongsi jarum dan alat suntikan seperti semasa mengambil dadah, ia boleh memindahkan HIV tersebut kepada penagih dadah yang lain.



Jika mengandung, ia boleh memindahkan virus AIDS kepada anak yang dikandungnya.

## SIAPA BOLEH MENDAPAT AIDS?

Sesiapa sahaja boleh mendapat AIDS kerana ia tidak mengenal bangsa, lelaki atau perempuan, muda ataupun tua. Tingkahlaku dan amalan seseorang itu boleh mengakibatkan jangkitan HIV dan AIDS.

## AIDS TIDAK BOLEH MEREBAK MELALUI:-



Berjabat tangan



Berjuran



Bekerja bersama-sama



Donasi darah



Bertinmpit-binmpit di tempat awam



Mandi di kolam renang



Ciuman



Berpelukan



Gigitan serangga seperti nyamuk



Makanan dan minuman yang disediakan oleh pesakit AIDS



Berkingki ke tandas; semua seperti toilet dan tandas




## SEBAHAGIAN DARIPADA TANDA-TANDA PENYAKIT AIDS



Suatu jenis bintul




Bergigit kulat



Faktorasi (sejenis penyakit kulit)



Herpes zoster (sejenis penyakit jangkitan virus)



Radang paru-paru akibat berjangkit kuman (Pneumocystis carinii)



Kaposi's Sarcoma (sejenis bentuk kulit)

## PENCEGAHAN

Setakat ini, pakar-pakar perubatan dan para saintis masih belum menghasilkan ubat untuk menyembuhkan penyakit AIDS atau vaksin untuk mencegahnya. Cara yang paling selamat untuk mengelakkan daripada dijangkiti virus AIDS ialah dengan menghindari perhubungan seks rambang dan penagihan dadah. Para remaja hendaklah mengatakan TIDAK terhadap perhubungan seks di luar nikah dan penagihan dadah.